

CALAZIN CREAM®

Calamine / Zinc Oxide (4% w/w / 3% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Calazin Cream.
2. Bagaimana Calazin Cream berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Calazin Cream.
4. Cara menggunakan Calazin Cream.
5. Semasa menggunakan Calazin Cream.
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Calazin Cream.
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Calazin Cream

Calazin Cream digunakan untuk melegakan keradangan kulit seperti kemerahan, kegatalan dan kerengsaan kulit.

Bagaimana Calazin Cream berfungsi

Calamine dan zinc oxide mempunyai kesan astringen ringan untuk memberikan kesan melegakan dan perlindungan apabila digunakan pada kulit.

Sebelum menggunakan Calazin Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anda alah kepada *calamine* atau *zinc oxide* atau sebarang bahan lain yang terkandung di dalam ubat ini. (disenaraikan dalam maklumat lanjut).

- Sebelum menggunakan Calazin Cream

Mengandung dan menyusukan anak
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Rujuk doktor anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Calazin Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan pada kulit bila perlu.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Sapukan ubat ini mengikut arahan doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan dos berlebihan akan menyebabkan simptom seperti gangguan makan, loya, muntah, ketidakselesaan perut, dan cirit-birit.

Semasa menggunakan Calazin Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Calazin Cream.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Calazin Cream kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luaran sahaja.

Berhati-hati ketika memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda mengetahui kesan Calazin cream terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Calazin Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

CALAZIN CREAM[®]

Calamine / Zinc Oxide (4% w/w / 3% w/w)

Cara penyimpanan dan pelupusan Calazin Cream

Nombor Siri

NPRA(R4/1)070324/00031

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C.
Lindungi daripada pembekuan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim dan berwarna merah jambu muda.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Calamine
Zinc Oxide

- Bahan tidak aktif
Liquid Paraffin, *glycerin*,
cetomacrogol emulsifying wax,
carnation fragrance, *ponceau 4R*
aluminium lake, *chlorocresol*,
white soft paraffin dan *water*.

- Nombor MAL

MAL19911150XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Berhad
121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010, Ipoh, Perak, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

11/03/2024